



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PEGUAM NEGARA

KENYATAAN MEDIA

PENDAKWAAN KES STOKING BERCETAK KALIMAH ALLAH

Jabatan Peguam Negara akan membuat pertuduhan pada 26 Mac 2024 di Mahkamah Sesyen, Shah Alam terhadap Syarikat KK SUPERMART & SUPERSTORE SDN. BHD (619651-M) dan Pengarah-pengarah syarikat tersebut di bawah seksyen 298 Kanun Keseksaan kerana telah dengan sengaja berniat melukakan perasaan agama orang Islam dengan cara mempamerkan stoking bercetak kalimah Allah di rak pameran bagi tujuan jualan.

Pada masa yang sama, Syarikat XIN JIAN CHANG SDN BHD (249377-A) dan Pengarah-pengarah syarikat tersebut juga akan dituduh di bawah seksyen 109 Kanun Keseksaan kerana telah bersubahat sebagai pembekal stoking bercetak kalimah Allah kepada Syarikat KK SUPERMART & SUPERSTORE SDN. BHD.

JABATAN PEGUAM NEGARA

25 MAC 2024